

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN]
TARIKH : 19.6.2014
SOALAN :

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah penerimaan dan kejayaan Dasar Satu Murid Satu Sukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar 1Murid 1Sukan memberi peluang secara menyeluruh kepada semua murid melibatkan diri dalam sukan secara lebih terancang selaras dengan Dasar Sukan Negara yang memberi penekanan kepada Sukan Untuk Semua. Seluruh masyarakat menerima Dasar 1Murid 1Sukan ini secara positif dan menggalakkan penyertaan semua murid dalam bidang sukan.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (DPSIPT) yang diwujudkan pada tahun 2009 bertujuan menerapkan hasrat pembudayaan sukan secara meluas dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai teras. Dasar ini merupakan satu garis panduan dalam membangun dan melaksanakan program-program sukan IPT. Matlamat DPSIPT bertujuan untuk melahirkan "*The Thinking Athlete*" dengan mensasarkan sekurang-kurangnya 30 peratus atlet negara terdiri daripada atlet IPT. Terdapat tujuh teras utama DPSIPT iaitu:

- a) Program Pembudayaan Sukan,
- b) Program Pembangunan Infrastruktur Sukan,
- c) Program Pembangunan Pusat Kecemerlangan Sukan,
- d) Skim Kecemerlangan/ Kebajikan, Insentif dan Penyelidikan Sukan (SKIPS),
- e) Program Pembangunan Akademik Atlet,
- f) Program Pembangunan Pengajian Sukan di IPT; dan
- g) Program Promosi dan Jaringan Kerja.

Rjm141